



bersama Timbalan Rektor

"...Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berorientasikan kejuruteraan, kita telah merancang pelbagai agenda dan tindakan bagi memastikan kemantapan kedudukan akademik universiti ini..."



MyKUKUM (MK) : Assalamualaikum w.b.t. Pihak MyKUKUM amat berterima kasih kerana Dr. sudi meluangkan masa bersama kami. Apakah pandangan Dr. tentang keseluruhan perjalanan KUKUM buat masa ini?

PROFESOR MADYA DR. ALI YEON (DA) : Terima kasih. Alhamdulillah, saya merasakan bahawa perjalanan KUKUM - terutama dari perspektif pembangunan akademik - amat lancar sekali. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berorientasikan kejuruteraan, kita telah merancang pelbagai agenda dan tindakan bagi memastikan kemantapan kedudukan akademik universiti ini, dan nampaknya semua sedang berjalan sebagaimana yang diharapkan.

MK : Saya difahamkan penubuhan KUKUM ini adalah hasil daripada cadangan yang telah dibuat oleh Dr. sendiri. Apakah yang mendorong Dr. berbuat demikian? Dan apakah perasaan Dr. setelah hasrat ini dapat direalisasikan?

DA : Pada awal tahun 2001, Kementerian Pendidikan telah mencadangkan penubuhan sebuah universiti teknikal di utara semenanjung yang pendekatan pembelajarannya berbeza dari universiti konvensional yang lain. Pada ketika itu, kerajaan sangat tertarik dengan kaedah 'hands-on' yang diamalkan oleh sesetengah universiti di Jerman. Saya telah diminta untuk mengkaji dan seterusnya menulis kertas cadangan penubuhan universiti tersebut. Alhamdulillah, cadangan yang

saya kemukakan diterima baik oleh pihak Kementerian, yang seterusnya mengamanahkan saya untuk membantu memimpin universiti ini dalam hal ehwal akademiknya. Sememangnya hasrat ini sudahpun sedikit sebanyak direalisasikan, dan saya amat berbangga dengan pencapaian kita setakat ini. Namun begitu, masih banyak lagi yang perlu dilakukan sebelum hasrat ini tercapai dengan sepenuhnya.

MK : Pada pendapat Dr., apakah yang membolehkan KUKUM menjadi sebuah universiti yang setaraf dengan universiti lain di negara ini dan juga di dunia?

DA : Kita harus mempunyai kesungguhan dan minat yang tidak terhingga. Kita juga memerlukan sumber yang mencukupi. Sumber yang saya maksudkan di sini merangkumi sumber teknologi, sumber kewangan, dan yang terpenting sekali - sumber manusia. Sumber yang terakhir inilah yang saya kira amat penting sekali kerana kejayaan KUKUM untuk menandingi universiti-universiti lain di Malaysia, malah di dunia sekalipun, amat bergantung kepada faktor ini. Kita merasa bertuah kerana kerajaan bersedia memberi sumber kewangan, yang seterusnya boleh memungkinkan pembelian sumber teknologi yang terbaik untuk digunakan di KUKUM. Namun begitu, sekiranya sumber manusia kita kurang atau tidak sehebat yang kita harapkan, maka adalah sukar bagi KUKUM, yang umurnya baru setahun jagung ini, untuk

menandingi universiti-universiti lain yang sudah mantap.

MK : Saya tertarik dengan kaedah 'hands-on' yang diterapkan di dalam program akademik KUKUM. Mungkin Dr. boleh terangkan dengan lebih lanjut mengenai kaedah ini...

DA : Pendekatan pembelajaran 'hands-on' yang digunakan di KUKUM sebenarnya berlandaskan kepada konsep 'fachhochschule' yang popular di Jerman. Banyak kajian yang menunjukkan bahawa sekiranya pengajaran sesebuah teori dimantapkan dengan amali, maka seseorang pelajar dapat memahaminya dengan lebih baik lagi. Di KUKUM, hampir semua kursus teras mempunyai komponen kuliah (iaitu teori) dan juga praktikal (iaitu amali). Bagi sebuah kursus 4 unit, 3 unit terdiri dari komponen kuliah manakala 1 unit adalah komponen praktikal. Satu unit komponen kuliah terdiri dari 1 jam kuliah, manakala 1 unit komponen praktikal merangkumi 2 jam pembelajaran di dalam makmal. Tertakluk kepada kekangan logistik, kursus-kursus ini cuba disusun dengan sebegitu rupa agar, bagi kursus 4 unit, pelajar menjalani 2 jam kuliah, diikuti dengan 2 jam makmal, dan seterusnya diikuti dengan 1 lagi jam kuliah dalam sesebuah minggu pembelajaran. Inilah yang dimaksudkan dengan 'hands-on' - iaitu, pelajar kita melakukan praktikal bagi hampir setiap topik teori yang dibincangkan di dalam kuliah.

MK : *Bagaimanakah prestasi pelajar KUKUM setakat ini? Adakah Dr. berpuas hati dengan hasil pencapaian mereka?*

DA : Pencapaian pelajar setakat ini adalah memuaskan. Sungguhpun begitu, saya kira terdapat banyak lagi ruang untuk penambahbaikan. Sememangnya dalam masa setahun kita mula beroperasi ini, banyak yang telah kita lalui, yang boleh difikirkan semula untuk ditambahbaik pada masa-masa yang akan datang. Kita telah menghadapi sedikit kekangan dari aspek sumber tenaga pengajar yang mencukupi, yang mungkin telah sedikit-sebanyak menjajarkan prestasi akademik pelajar

sebagai agenda utama mereka. Pendek kata, kita telah dan akan terus melakukan banyak perkara yang kita percaya dapat meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran di KUKUM.

MK : *Saya difahamkan tentang usaha yang telah diambil oleh Dr. bagi memastikan para graduan dan pensyarah/jurutera pengajar KUKUM mempunyai hubungan dengan syarikat atau industri di negara ini. Apakah hasil yang telah lahir hasil daripada usaha tersebut setakat ini?*

DA : Hubungan dengan industri adalah suatu yang amat penting sekali. Kita hendak melahirkan graduan yang boleh bekerja dengan

DA : Insya Allah, sekiranya semua berjalan lancar, graduan KUKUM kelak akan mempunyai sekurang-kurangnya 3 ciri yang boleh 'mengasingkan' mereka dari graduan universiti konvensional lain. Ciri-ciri ini ialah kebolehan graduan KUKUM untuk melaksanakan sesebuah tugas secara praktikal berlandaskan kefahaman teori yang mantap, kebolehan berkomunikasi dengan baik, dan kecenderungan graduan untuk menjadi usahawan. Ciri pertama dan kedua amat diminati oleh industri, sepertimana selalu diperkatakan orang. Ciri ketiga pula menunjukkan bahawa walau di mana sekalipun graduan kita berada, dia mempunyai keyakinan untuk menampung dirinya sendiri - dan sifat ini

"...masa depan ekonomi negara kita, khususnya dalam bidang industri berteknologi tinggi akan banyak bergantung kepada 'indigenous SMI's/SME's'..."



kita secara keseluruhannya. Namun begitu, kita telah mengkaji dan mengenalpasti ruang-ruang di mana penambahbaikan dapat dijalankan, dan insya Allah kita akan laksanakannya pada semester-semester yang akan datang.

MK : *Sebagai Timbalan Rektor (Akademik), apakah langkah-langkah yang telah dan bakal diambil oleh pihak Dr. untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di kalangan pensyarah/jurutera pengajar dan pelajar?*

DA : Peningkatan kualiti pengajaran-pembelajaran sememangnya merupakan salah satu sasaran utama di dalam perancangan strategik KUKUM. Terdapat banyak langkah yang sudah dirancang dan sedang dilaksanakan bagi mencapai tujuan ini. Antaranya termasuklah mengambil tenaga pengajar yang berpengalaman, menghantar tenaga pengajar menjalani kursus-kursus atau seminar yang relevan, membina infrastruktur yang membolehkan pengajaran-pembelajaran secara elektronik dapat dijalankan, dan banyak lagi. Kita juga sentiasa mengkaji kedudukan kurikulum kita dengan meminta pakar-pakar dari luar untuk datang menilai dan seterusnya memberikan pandangan masing-masing. Kita juga sedang melaksanakan kod amalan jaminan kualiti yang diselenggarakan oleh Kementerian Pendidikan, yang sekali gus mengambilkira keperluan dari Lembaga Jurutera Malaysia. Setiap Dekan di pusat-pusat pengajian dimestikan mengambil agenda akademik

berkesin di industri, di samping graduan yang berminat menjadi usahawan, yang seterusnya perlu juga menjalin hubungan dengan pihak industri. Dari itu kita perlu melakukan beberapa perkara agar hubungan yang baik antara KUKUM dengan industri dapat diadakan. Barubaru ini, kita telah mengajukan cadangan untuk menubuhkan Pusat Kerjasama Industri. Walaupun pusat ini belum lagi beroperasi secara rasmi (kerana masih di dalam proses untuk diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan), namun begitu, pusat ini, di bawah Encik Yufriidin Wahab, sudah aktif mengadakan beberapa aktiviti yang menjurus kepada penjalinan hubungan antara KUKUM-Industri. Antara lain, kita telah mengadakan Forum KUKUM-Industri (di Taman Teknologi Tinggi Kulim), di mana KUKUM telah diperkenalkan kepada ahli-ahli industri yang kita undang. Satu lagi ialah program 'InDex' yang mana pelajar-pelajar kita telah diberi pendedahan kepada beberapa sektor industri yang berkaitan. Kini, Pusat Kerjasama Industri sedang merancang banyak lagi aktiviti seterusnya yang kita harap dapat membantu mencapai hasrat ini. Antara lain, termasuklah mengundang pensyarah-pensyarah kunjungan daripada industri, kerjasama penyelidikan, 'internship 2003' industri bagi pensyarah/jurutera dan sebagainya.

MK : *Pada pendapat Dr., apakah yang menjadi kekuatan dan kelebihan bakal graduan KUKUM pada mata industri?*

juga amat disukai oleh industri. Kita juga perlu ingat bahawa masa depan ekonomi negara kita, khususnya dalam bidang industri berteknologi tinggi akan banyak bergantung kepada 'indigenous SMI's/SME's' yang dapat bersaing diperingkat global. Oleh itu, adalah sangat penting nilai-nilai keusahawanan diterapkan sedalam mungkin, dengan pendedahan sewajarnya sepanjang pengajian di KUKUM.

MK : *Apakah saranan dan harapan Dr. kepada warga KUKUM, khususnya para pelajar?*

DA : Saya amat berharap agar semua warga KUKUM memahami aspirasi KUKUM, terutama sekali aspirasi akademik kita. Ini kerana hal ehwal akademik merupakan 'core business' kita yang terpenting. Universiti ini wujud atas inisiatif kerajaan untuk mengeluarkan lebih ramai rakyat Malaysia yang terdidik dan kompeten dalam beberapa bidang kejuruteraan strategik, supaya ekonomi Negara yang berlandaskan perindustrian dapat dikekalkan dan diperkembangkan lagi, demi kemakmuran semua. Dengan memahami aspirasi ini, saya harap warga KUKUM dapat menghayatinya, dan seterusnya melakukan apa jua untuk merealisasikannya.

